

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[ BELURAN ]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 111**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan serta usaha Malaysia dalam merencanakan aktiviti dalam sektor perdagangan, pelaburan serta pelancongan dengan negara-negara Asia Tenggara di bawah "*Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)*".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, halatuju strategik pembangunan kerjasama serantau ini adalah sepertimana dinyatakan dalam *BIMP-EAGA Vision 2025 (BEV2025)*. BEV2025 telah menetapkan sasaran untuk BIMP-EAGA menjadi sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan melalui pelbagai strategi dengan tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian dan perikanan, penggunaan teknologi hijau dalam sektor pembuatan dan pembangunan sektor pelancongan.
2. Di bawah BEV2025, sebanyak 69 Projek Infrastruktur Utama (PIP) telah disenaraikan dengan anggaran kos sebanyak AS\$22.7 bilion. PIP ini akan meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) dan menjadi pemangkin kepada aktiviti perdagangan serta mobiliti penduduk. Misalnya Projek *Trans Borneo Power Grid* yang merentasi Sarawak dan Kalimantan Barat akan memanfaatkan 8,000 isi rumah, memperkukuh hubungan antara negara dan menyumbang ke arah merealisasikan *ASEAN Power Grid*.
3. Pada tahun 2017, kawasan BIMP-EAGA mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) wilayah BIMP-EAGA sebanyak 5.7%, perdagangan (21.5%) dan pelancongan (6.6%). Di samping itu, jumlah pelaburan di wilayah BIMP-EAGA pada tahun 2017 adalah sebanyak AS\$20.9 bilion dengan 66.6% adalah disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (FDI).
4. Program Pameran Perdagangan BIMP-EAGA dan *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT)* secara dwi tahunan, khusus untuk mempromosikan produk-produk keluaran syarikat industri kecil dan sederhana (IKS). Pada tahun 2018, peserta Malaysia telah mencatatkan jumlah transaksi jualan sebanyak RM48.1 juta, iaitu RM1.9 juta (4.1%) lebih tinggi berbanding tahun 2016 sebanyak RM46.2 juta.

5. Di antara tahun 2013 – 2017, kawasan BIMP-EAGA menerima seramai 88.2 juta pelancong. Jumlah pelancong ke kawasan ini telah meningkat sebanyak 22.2%, iaitu daripada 4.5 juta pelancong pada tahun 2016 kepada 5.5 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah hasil pelbagai program pembangunan kapasiti dalam sektor pelancongan. Contohnya, Program Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBET) yang telah meningkatkan pendapatan melalui produk-produk pelancongan semulajadi di Kota Belud-Tuaran dan Kuala Penyu-Beaufort di Sabah serta Bekalalan-Bario di Sarawak.
6. BIMP-EAGA turut mengadakan perbincangan dengan Northern Territory of Australia selaku Rakan Pembangunan BIMP-EAGA bagi membangunkan pakej-pakej pelancongan seperti berikut:
- Pelancongan Berkonsepkan Pelayaran (*Cruise Tourism*) antara BIMP-EAGA dengan Northern Territory of Australia. Pada masa ini, laluan yang dicadangkan adalah Darwin – Bali – Jakarta – Kuching – Brunei Darussalam – Kota Kinabalu – Puerto Princessa – Manila – Singapore – Darwin; dan
  - Program Perkongsian Amalan Terbaik Berkenaan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tapak-Tapak Warisan Dunia UNESCO antara BIMP-EAGA dan Northern Territory. Pada masa ini, dua Tapak Warisan Dunia iaitu Taman Negara Kinabalu di Sabah and Taman Negara Mulu di Sarawak telah dicadangkan di bawah program ini dengan Taman Negara Uluru-Kata Tjuta, Australia dan Kakadu National Park, Australia.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
1 Julai 2019